




LEBUHRAYA PAN ISLAND LINK 1 (PIL 1)



Persimpangan	Sambungan (km)	Jarak (km)
Gurney	0.0	
Utama	2.0	2.0
Paya Terubong	9.2	7.2
Relau	13.3	4.1
Awang	17.0	3.7
LCE	19.5	2.5

Lebuhraya bebas tol

Cadangan lebuhraya dengan jalan keluar-masuk terhad bagi menjamin kelajuan dan masa perjalanan yang lebih efisien. Lebuhraya ini akan menjajar merentasi pergunungan bagi mengelakkan kebarangkalian wujud kesesakan lalu lintas akibat pembangunan masa depan.

6 persimpangan

Menghubungkan hab-hab yang mempunyai jumlah penduduk tinggi dengan pengangkutan utama dari Jambatan Kedua Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ke Bayan Baru, Relau, Paya Terubong dan George Town.

20 km

Lebuhraya PIL 1 akan berfungsi sebagai pintasan strategik yang mengasingkan trafik serantau dari trafik tempatan. Selain membolehkan penyuraian trafik yang lebih baik, ia juga meningkatkan akses kepada pelbagai hab-hab utama di sepanjang koridor utara-selatan Pulau Pinang.

15 minit

Memendekkan masa perjalanan dari utara ke selatan di antara Gurney Drive dan lapangan terbang, berbanding 45 minit melalui trafik biasa di laluan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu (LCE).

2,000 kenderaan

Setiap lorong pada setiap jam dan arah tujuan.

OBJEKTIF



Mengurangkan kesesakan lalu lintas di Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu (LCE) dan jalanraya-jalanraya utama lain seperti Pengkalan Weld, Jalan Masjid Negeri, Jalan Jelutong dan Jalan Sultan Azlan Shah.



Jajaran lebuhraya dirancang akan dibina di luar kawasan membangun di George Town untuk mengurangkan kesesakan trafik yang tertumpu di kawasan bandar.



Meningkatkan akses dan membuka peluang pembangunan tanah pada masa hadapan di bahagian barat dan selatan pulau.

LEBUHRAYA EFISIEN



Jajaran PIL 1 mempunyai keistimewaan tersendiri sebagai jalan pintas yang strategik kerana laluan ini dibina merentasi kawasan pergunungan di kawasan tengah pulau, sekaligus menghalang lebuhraya daripada mengalami kesesakan berpunca daripada pembangunan masa depan.

Ini bertindak sebagai cara penyuraian trafik dari Jambatan Kedua Pulau Pinang yang baru dibuka dan penggunaan terowong dasar laut yang akan dibina kelak.

KELEBIHAN

1



PIL 1 juga dapat meningkatkan akses serta membuka peluang pembangunan masa depan di sebelah barat dan selatan Pulau Pinang.

2



Persimpangan yang dicadangkan untuk PIL 1 menyediakan laluan kepada hab kediaman dan komersil di bahagian utara, barat, timur dan selatan Pulau Pinang.

3



Lebuhraya PIL 1 merupakan lebuhraya bebas tol.



PEMBIAYAAN

Dibiayai melalui hasil penjualan tanah tambak yang akan menjadi hak milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang sepenuhnya.